

**Kuala Lumpur:** Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengkaji penubuhan Suruhanjaya Perjawatan Anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sebagai badan bebas bagi melantik, menyusun semula perjawatan dan menyerap anggota sambil ke jawatan sepenuh masa.

Menterinya, Zuraida Kamaruddin berkata, ia seiring dengan usaha kerajaan dalam memartabatkan karier itu selain memberi motivasi kepada anggota untuk terus memberi perkhidmatan cemerlang.

"Tugas mereka (bomba) kini umpama *social rescue* yang mana kita lihat isu seperti ular masuk rumah, tersepit di pintu lif, kucing tidak dapat turun dari pokok, cincin di jari tidak boleh dikeluarkan dan sebagainya.

"Justeru, kita melihat bomba perlu dinaik taraf seperti institusi lain seperti tentera dan polis, kementerian kini mengkaji serta merancang untuk menubuhkan suruhanjaya itu," katanya ketika menjawab soalan Datuk Seri Dr R Santhara Kumar (PH-Selangor) pada Waktu Pertanyaan.

## **Pertimbang tubuh suruhanjaya bomba**

an. Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Santhara bertanya mengenai tindakan kementerian itu bagi menjaga kebajikan anggota bomba di negara ini.

Mengulas lanjut, Zuraida berkata, pihaknya akan terus memastikan aspek kebajikan, keselamatan dan kesihatan warga anggota bomba sentiasa dijaga serta terpelihara.

"Ia termasuk mengkaji beberapa keperluan lain khususnya elaun tugas pasukan khas serta kadar Bayaran Insentif Bomba yang

bertugas secara syif," katanya.

Sementara itu, ketika menjawab soalan tambahan Datuk Dr Noraini Ahmad (BN-Parit Sulong) mengenai status kes kematian anggota bomba Muhammad Adib Mohd Kassim, Zuraida berkata perkara itu diserahkan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk meneruskan siasatan.

“  
Kita melihat  
bomba perlu  
dinaik taraf  
seperti  
institusi lain  
Zuraida

